
**SISWA MALAYSIA WAKIL TUNGGAL KE
CERN SUMMER STUDENT PROGRAMME (CSSP)**

KUALA LUMPUR, 2 JULAI 2023 – Siswa Universiti Malaya, Vincent Tee Ming Han, 22 adalah wakil tunggal Malaysia ke CERN Summer Student Programme (CSSP). CSSP menawarkan latihan praktikal kepada siswa sarjana muda dalam bidang fizik, pengkomputeran, kejuruteraan dan matematik dari seluruh dunia untuk bersama menyertai pasukan penyelidik dan mengambil bahagian dalam eksperimen di kemudahan CERN di Geneva, Switzerland. CERN adalah makmal fizik zarah terbesar di dunia.

Vincent Tee, siswa dalam bidang pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) di Universiti Malaya berpeluang untuk bertemu saintis muda dari seluruh dunia yang akan berkongsi pengetahuan mereka tentang pelbagai topik dalam bidang fizik zarah dan pengkomputeran secara teori dan eksperimen. Vincent Tee akan berada di sana selama sekurang-kurangnya 8 hingga 13 minggu bermula 3 Julai 2023.

“Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Akademi Sains Malaysia (ASM) yang membuka laluan kepada siswa di Malaysia untuk menyertai program seperti CSSP. Ini adalah impian yang menjadi kenyataan bagi saya kerana ia membolehkan saya bertemu penyelidik bertaraf dunia dalam bidang fizik zarah. Ini merupakan batu loncatan ke arah aspirasi saya untuk menjadi seorang ahli fizik zarah dan menyumbang kepada kemajuan bidang ini di Malaysia. Saya bersyukur diberi peluang untuk memulakan perjalanan yang luar biasa ini di CSSP,” kata Vincent Tee.

“Saya melihat bahawa peluang siswa untuk menyertai program seperti CSSP ini adalah satu pengalaman yang amat berharga, khususnya melalui pendedahan kepada persekitaran penyelidikan yang dinamik. Siswa juga dapat berkongsi pengetahuan dan idea serta terlibat dalam eksperimen dan projek yang mencabar. Pengalaman ini sudah tentunya membuka potensi mereka untuk menjadi seorang penyelidik yang cemerlang dan seterusnya dapat memanfaatkan ilmu tersebut bagi membantu menaik taraf kehidupan masyarakat,” ulas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang.

Sementara itu, Presiden ASM merangkap Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi kepada YAB Perdana Menteri dan Negara, Academician Datuk Dr. Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc berkata, “Pembabitan siswa dalam CSSP bakal memupuk kecemerlangan penyelidik muda untuk menghasilkan penyelidikan bertaraf antarabangsa. Ini juga adalah peluang kepada mereka untuk berkomunikasi secara langsung dengan saintis terkemuka dan membina jaringan kerjasama yang lebih luas. Pengalaman ini pasti memberikan impak yang besar dalam perkembangan kerjaya mereka dalam bidang sains dan teknologi.”

ASM membuka pencalonan bagi CSSP setiap tahun kepada semua siswa IPTA dan IPTS seluruh negara sejak tahun 2012. Termasuk tahun ini, sejumlah 23 siswa Malaysia telah dihantar bagi program berkenaan. ASM bertanggungjawab melakukan saringan awal pemilihan calon untuk Malaysia, manakala saringan akhir diputuskan oleh ahli jawatankuasa CSSP. Semua siswa adalah dibiayai oleh CSSP bagi menghadiri program ini.

Semua siswa berkenaan akan menyertai sesi antaranya lawatan ke kemudahan CERN, sesi perbincangan dan pelbagai bengkel berkaitan bidang fizik, pengkomputeran, kejuruteraan dan matematik. Peserta juga perlu menghasilkan sebuah laporan di akhir penglibatan mereka dalam program CSSP.

TAMAT



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Najib Mohd Idris

Eksekutif Kanan Komunikasi

No. Telefon: +6019.303.7847

E-mel: najib@akademisains.gov.my

Syakirah Nurizzati Mohammad Hood

Eksekutif Komunikasi

+60176780925

syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my

Siti Sarah Abd Rahman

Eksekutif Komunikasi

+601111425446

siti.sarah@akademisains.gov.my

Mengenai Akademi Sains Malaysia

ASM merupakan sebuah organisasi saintifik bebas di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI). ASM berusaha untuk menjadi badan pemikir negara dalam isu berkaitan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi. Kami menyediakan platform untuk pertukaran idea di antara ahli akademik, pembuat dasar, masyarakat sivil dan industri.

ASM mempunyai lebih daripada 800 pakar dalam bidang Sains Kejuruteraan, Sains Perubatan dan Kesihatan, Sains Biologi dan Alam Sekitar, Teknologi Maklumat dan Sains Komputer, Sains Kimia, Matematik, Fizik dan Sains Bumi, Teknologi Sains dan Industri Pembangunan, serta Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Kegiatan utama kami termasuklah melakukan tinjauan pandangan jauh dan strategik, menerajui program strategik berasaskan sains di peringkat nasional, serantau, dan global. Etos kami adalah "Budayakan Sains, Raikan Teknologi, Cetuskan Inovasi".